

## 40 Pelajar UPM Dekati Penduduk Kampung



ADUN Kuang, Abdul Shukor Idrus (kiri) berbual mesra dengan pelajar UPM selepas sesi penyerahan anak angkat kepada UPM semula.

**KUANG, 9 Mac** — Seramai 40 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menyertai program ‘Mahasiswa Bersama Masyarakat’ selama empat hari tiga malam di Kampung Melayu Seri Kundang, Rawang baru-baru ini.

Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM, Mas Dira Mat Husin berkata program tersebut bertujuan untuk menjalinkan keharmonian dengan penduduk dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, Kampung Melayu Seri Kundang.

“Mahasiswa perlu sentiasa diberi penekanan hidup bermasyarakat bagi memperkuatkan hubungan silaturrahim antara satu sama lain dan meningkatkan nilai jati diri mereka,” katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata pelbagai program dilaksanakan antaranya ialah sukanaka, senam poco-poco, gotong-royong, majlis tahill, sambutan Maulidur Rasul dan kenduri kesyukuran.

Mas Dira berkata pelajar UPM yang mengikuti program tersebut juga memberi pendedahan kepada penduduk kampung mengenai ilmu pertanian yang dipelajari di universiti.

“Pertukaran budaya seperti cara pergaulan, penggunaan bahasa dan cara pemakanan sedikit sebanyak dapat membantu pelajar mempelajari budaya masyarakat tradisional yang berbeza,” katanya.

Beliau berkata program yang diadakan selama tiga hari itu dapat mewujudkan interaksi mahasiswa IPT dengan masyarakat luar serta memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan keharmonian yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dan latar belakang.

Sementara itu, pelajar semester pertama Pusat Asasi Sains Pertanian, Mohd. Hamizan Hashim berkata beliau memperolehi banyak pengalaman dan pendedahan hidup bermasyarakat sepanjang mengikuti program tersebut.

“Keluarga angkat saya banyak memberi nasihat untuk belajar bersungguh-sungguh dengan mencontohi kejayaan anak-anak mereka yang telah berjaya melangkah ke menara gading,” katanya.

Pelajar tahun empat Bachelor Pendidikan Sains Rumah Tangga, Fakulti Pengajian Pendidikan, Haisa Osman berkata beliau berpeluang merasai sendiri perbezaan hidup bermasyarakat di Semenanjung dengan tempat kelahirannya di Sabah.

Pelajar semester dua Pusat Asasi Sains Pertanian, Norisal Nasai berkata beliau berasa gembira diberi kesempatan untuk bergaul dengan anak keluarga angkatnya yang menghidap sindrom down.

“Ketokohan ibu angkat membesarakan anak amat mengharukan saya,” katanya.



Pelajar UPM bergambar kenangan bersama ADUN Kuang, Abdul Shukor Idrus dan keluarga angkat pada program Mahasiswa Bersama Masyarakat di Kampung Melayu Seri Kundang.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.